

Kemahiran perlu, tapi ijazah tak lapuk

KEMAHIRAN seseorang akan lebih dihargai majikan, berbanding sekeping ijazah, dalam ekonomi masa depan dan sedang Singapura bergerak ke arah memastikan warganya dapat memenuhi tuntutan pekerjaan hari muka.

Bagaimanapun, pendidikan universiti masih penting, malah boleh menjadi pendidikan asas, dalam meningkatkan ilmu dan minda dan boleh membantu mendapatkan pekerjaan baik.

Demikian pandangan beberapa orang, termasuk ahli akademik, yang ditinjau *Berita Harian*.

Pengarah Exceltec Property Management Pte Ltd, Encik Mervyn Lim, berkata pekerja harus dapat melaksana tugasnya dengan baik dan dalam hal ini mempunyai ijazah sahaja mungkin tidak mencukupi.

“Mempunyai ijazah bukan 100

peratus batu loncatan bagi seseorang menaiki tangga kerjaya.

“Sikapnya terhadap pekerjaan dan paras kebolehan serta kecakapannya yang lebih penting,” ujar beliau.

Berdasarkan apa yang beliau alami, seorang siswazah Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Encik Iman Abu Bakar, akur pada pandangan itu.

Beliau, 27 tahun, mempunyai ijazah kejuruteraan mekanikal tetapi mengeluh kerana belum dapat pekerjaan tetap dalam bidang itu walaupun selepas setahun mencari.

Pengalaman dan kemahiran penting untuk mendapat pekerjaan baik, ujar Encik Iman.

“Mungkin saya kekurangan pengalaman, dan ini perkara utama yang dicari majikan dalam sektor ini,” tambahnya.

Bagaimanapun, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Parlimen Pemerintah (GPC) bagi Pendidikan, Dr Intan Azura Mokhtar, berkata meskipun kemahiran penting, ia tidak bermakna mempunyai kemahiran sahaja mencukupi kerana seseorang itu juga perlu mempunyai sijil, apatah lagi ijazah, agar lebih bertauliah untuk melaksana tugasnya.

Anggota Parlimen GRC Ang Mo Kio itu menekankan bahawa mempunyai kedua-duanya – kemahiran dan sijil – sama penting.

“Cara pembelajaran sekarang lebih bersifat putaran. Misalnya, kita belajar, mendapat kemahiran, bekerja, belajar lagi, kembali bekerja, peringkat kemahiran, belajar lagi, kembali bekerja dan seterusnya.

“Kita perlu terus pertingkatkan kemahiran dan mendapatkan pensijilan atau mengejar kelayakan pensijilan

peringkat lebih tinggi agar ilmu kita sejajar dengan permintaan pasaran yang kian berubah dan keperluan sesuatu pekerjaan,” ujar Dr Intan.

Oleh itu, langkah Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) bekerjasama dengan kelima-lima politeknik tempatan bagi pekerja mempertingkatkan kemahiran dan mendapatkan ijazah universiti di bawah Program Bekerja dan Belajar (ELP) amat dialu-alu.

Institut Teknologi Singapura (SIT) dan Politeknik Temasek pula memeterai Perjanjian Kolaborasi ELP Bersama.

Presiden SIT, Profesor Tan Thiam Soon, berkata pada masa depan, ijazah mungkin menjadi keperluan asas, sama seperti keperluan mempunyai kelulusan GCE peringkat ‘O’ pada masa lalu.

Beliau berkata daripada pemer-

hatiannya, kebanyakan anak muda berhasrat mempunyai ijazah.

Oleh itu, adalah penting negara mempunyai pekerjaan mencukupi sejajar dengan aspirasi siswazah mendapat pekerjaan baik.

“Pengajian di universiti ialah untuk melatih minda. Dan jika pada masa sama kita mendengar apakah kemahiran teknikal yang diperlukan industri, menggabungkan latihan minda dan kemahiran yang diperlukan itu dalam pengajian, saya rasa kita mempunyai formula yang akan membawa kejayaan.

“Ini kerana pada akhirnya kita mahu melahirkan siswazah yang berdaya mendapat pekerjaan,” ujar Profesor Tan.

Presiden SUSS, Profesor Cheong Hee Kiat, berkata mendapatkan ijazah mungkin satu pilihan peribadi seseorang pelajar.

“Jika mendapatkan ijazah menja-

di matlamat pelajar, mereka akan meneruskan usaha untuk mengecapinya. Tetapi sekiranya dengan kemahiran yang ada mereka dapat menghasilkan sesuatu produk yang memberi mereka kepuasan, mungkin ijazah bukan sesuatu yang mereka perlukan,” katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SSA Consulting Group, Encik Suhaimi Salleh, berpendapat kejayaan menggenggam segulung ijazah secara tidak langsung boleh memberi rangsangan kepada sesebuah keluarga.

“Mempunyai ijazah boleh memberi inspirasi kepada anggota keluarga yang lain mendaki puncak kejayaan seterusnya.

“Ijazah juga bak asas pendidikan yang boleh mempertingkatkan kemahiran juga,” ujar beliau, yang juga presiden Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud.



“Cara pembelajaran sekarang lebih bersifat putaran. Misalnya, kita belajar, mendapat kemahiran, bekerja, belajar lagi, kembali bekerja, peringkat kemahiran, belajar lagi, kembali bekerja dan

seterusnya. Kita perlu terus pertingkatkan kemahiran dan mendapatkan pensijilan atau mengejar kelayakan pensijilan peringkat lebih tinggi agar ilmu kita sejajar dengan permintaan pasaran yang kian berubah dan keperluan sesuatu pekerjaan.”

– Dr Intan Azura Mokhtar,
Timbalan Pengerusi GPC bagi Pendidikan



“Jika mendapatkan ijazah menjadi matlamat pelajar, mereka akan meneruskan usaha untuk mengecapinya. Tetapi sekiranya

dengan kemahiran yang ada mereka dapat menghasilkan sesuatu produk yang memberi mereka kepuasan, mungkin ijazah bukan sesuatu yang mereka perlukan.”

– Profesor Cheong Hee Kiat,
Presiden Universiti Sains
Kemasyarakatan Singapura (SUSS)



“Mempunyai ijazah boleh memberi inspirasi kepada anggota

keluarga yang lain mendaki puncak kejayaan seterusnya. Ijazah juga bak asas pendidikan yang boleh mempertingkatkan kemahiran.”

– Encik Suhaimi Salleh,
CEO, SSA Consulting Group



“Pengajian di universiti ialah untuk melatih minda. Dan jika pada masa sama kita mendengar apakah kemahiran teknikal yang diperlukan industri, menggabungkan latihan

minda dan kemahiran yang diperlukan itu dalam pengajian, saya rasa kita mempunyai formula yang akan membawa kejayaan. Ini kerana pada akhirnya kita mahu melahirkan siswazah yang berdaya mendapat pekerjaan.”

– Profesor Tan Thiam Soon,
Presiden Institut Teknologi Singapura (SIT)